

Headline **Tabah hadapi dugaan Tuhan**  
Date **22 Sep 2009**  
MediaTitle **Harian Metro**  
Section **Setempat**  
Journalist **Nur Ain Musdad**  
Frequency **Daily**  
Circ / Read **289,315 / 1,981,000**

Language **Malay**  
Page No **2**  
Article Size **299 cm<sup>2</sup>**  
Color **Black/white**  
ADValue **2,944**  
PRValue **8,832**



# Tabah hadapi dugaan Tuhan

Wanita HIV positif terharu keluarga jaga 3 anak setelah dia tiada

>>Oleh Nur Ain Musdad  
am@hmetro.com.my

**M**ELAKA: “Biarpun menghadapi dugaan besar apabila disahkan HIV positif, namun hati saya tetap terubat apabila keluarga masih sudi menerima tiga anak saya untuk dibesarkan andai saya pergi meninggalkan mereka buat selama-lamanya.”

Begitu kata seorang ibu tunggal dikenali sebagai Liza (bukan nama sebenar), 33, apabila menghidap penyakit membawa maut berkenaan yang diperolehi daripada arwah suaminya yang juga seorang penagih dadah tegar.

Liza yang berasal dari Merlimau, berkata dia disahkan menghidap penyakit itu se-jurus membuat ujian darah di sebuah hospital kerajaan di negeri ini kira-kira dua tahun lalu apabila tergerak melakukannya selepas arwah suaminya disahkan positif HIV.

Menurutnya, dia tidak pernah meminta untuk diberikan dugaan berkenaan apatah lagi memikirkan bagaimana mengharungi pelbagai cemuhan orang sekeliling selepas disahkan menghidap penyakit itu.



LIZA  
...tabah  
dengan  
kerelaan  
Allah.

“Dua hari pertama mengetahuinya, saya seperti hilang akal kerana hampir tidak percaya akan diberikan ujian sebesar ini apatah lagi pada ketika itu, saya sedang mengandung anak ketiga.”

“Hanya Tuhan saja yang tahu betapa hancurnya hati saya apabila memikirkan keadaan diri. Memang pada mulanya saya memarahi (arwah) suami kerana saya serta anak dalam kandungan menghadapi musibah berkenaan.”

“Akhirnya saya menerima

takdir ini walaupun bersedih dan terpaksa memberikan semangat pada diri untuk bangun menghadapi dugaan termasuk membesarkan anak-anak walaupun perit untuk ditempuhi,” katanya ketika ditemui, di sini.

Bagi meneruskan hidup, Liza mengambil upah menyiapkan tempahan kilang selain menerima bantuan daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) negeri RM300 sebulan.

Menurutnya, dia terharu

apabila cadangannya menghantar anak-anak berusia dua hingga sembilan tahun ke rumah kebajikan dihalang keluarga jika usianya tidak panjang, malah mereka bersedia menanggung beban berkenaan menyentuh perasaannya.

Selain itu, katanya, dia hanya berseerah dan tawakal kepada Tuhan, tetapi tetap memikirkan nasib anak-anak yang terabai jika masih berterusan putus semangat untuk menghadapi dugaan berkenaan.

“Anak ketiga saya disahkan tidak dijangkiti virus maut berkenaan selepas doktor memberi pelbagai ubat antivirus untuk melambatkan atau mencegah daripada menerima nasib sama dan saya gembira dengan keadaannya.

“Saya tidak menyalahkan arwah suami, malah menganggap ia sebagai takdir yang sudah ditentukan, selain terpaksa berterus-terang memberitahu perkara sebenar dan tidak mahu menyorok dari pengetahuan anak-anak.

“Alhamdulillah, anak-anak memahami malah keluarga juga dapat menerima diri saya seadanya kecuali bapa yang langsung tidak mengetahui kerana bimbang saya akan dibuang keluarga,” katanya.